



# Pensyarah FSTI rangkul Anugerah Tesis PhD Terbaik 2013

Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) Dr. Mohd Rashid Ab. Hamid dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) menerima Anugerah Kategori Tesis Doktor Falsafah dalam bidang Sains Matematik sempena Simposium Kebangsaan Sains Matematik kali ke-21 anjuran Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dan Pusat Pengajian Sains Matematik Universiti Sains Malaysia (USM) di Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang pada 6 November 2013 yang lalu.

Dr. Mohd Rashid merangkul Anugerah Utama Kategori Tesis Doktor Falsafah menerusi tesis bertajuk 'Model Kecemerlangan Prestasi Berasaskan Nilai Teras di IPT: Pemodelan Persamaan Struktur'.

Beliau telah menerbitkan 17 jurnal berkaitan kajian statistik pengurusan yang diindeks dalam ISI, SCOPUS dan beberapa pangkalan data yang lain berjaya menarik perhatian juri dengan menobatkannya sebagai penerima anugerah.

Selain beliau, Dr. Norhayati Rosli dari fakulti yang sama turut menerima hadiah

saguhati bagi tajuk tesis, *'Stochastic Runge-Kutta Method for Stochastic Delay Differential Equations'*.

Penyampaian anugerah disempurnakan oleh Presiden PERSAMA, Profesor Dr. Maslina Darus. Hadir sama dalam majlis, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Omar Osman dan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Simposium, Dr. Mohd. Tahir Ismail.

Menurut Dr. Mohd Rashid, beliau tidak menyangka terpilih sebagai pemenang memandangkan ramai peserta lain yang juga tidak kurang hebatnya.

"Simposium ini mengumpulkan profesional, penyelidik dan ahli akademik dalam bidang Matematik untuk mengetengahkan penemuan dalam konsep yang boleh diaplikasi dalam kalangan masyarakat.

"Antara bidang-bidang yang ditumpukan termasuk Matematik Tulen, Matematik Gunaan, Pendidikan Matematik, Matematik Pengkomputeran, Penyelidikan Operasi,

Statistik, Kewangan serta Kualiti dan Produktiviti," katanya yang menerima sijil penghargaan dan hadiah wang tunai.

Dalam majlis ini juga, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Matematik USM, Profesor Abd. Rahni Mat Piah dinobatkan penerima Anugerah Felo PERSAMA 2013 sebagai menghargai jasa beliau dalam bidang Penyelidikan Teori dan Reka Bentuk Geometri Komputer serta berkaitan produk e-Faraid yang digunakan di jabatan kerajaan dan agensi swasta di Malaysia.

Lebih 400 tetamu hadir dalam simposium yang bertemakan 'Percambahan Pendidikan dan Penyelidikan Sains Matematik Menjana Kelestarian Sejahtera' dalam penganjuran oleh pihak USM sebagai tuan rumah pada kali ini.

Antara tokoh Matematik yang hadir menjayakan program ialah Profesor Dato' Dr. Haji Kamel Ariffin Mohd Atan dari UPM, Profesor Dr. Zaidi Isa dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Tahir Ahmad dan Profesor Dr. Noor Azlan Ahmad Zanzali dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).